



1. JAWATAN	: TIMBALAN PESURUHJAYA BURUH
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN BURUH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
BAHAGIAN	: I
TANGGAGAJI	: KUMPULAN 3 (\$4,750 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Undang-Undang / Ekonomi / Pengurusan Awam / Perhubungan Perindustrian / Pembangunan Sumber Manusia (HRD) atau jurusan Kesihatan dan Keselamatan di Tempat Kerja (OSH) atau bidang bersesuaian.
- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Buruh sebagai Penolong Pesuruhjaya Buruh dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 9 tahun.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.3 tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 10 tahun.
2. Hendaklah terlebih dahulu menyediakan dua(2) kertas kerja yang asli(original) yang memuaskan pihak panel penilaian, berkaitan dengan tugas pegawai tersebut, dalam dua (2) daripada bidang-bidang berikut sebagai satu penilaian kenaikan pangkat:
 - i) Kertas Pembaharuan Perkhidmatan Awam;
 - ii) Kertas Kedudukan Pendirian Negara bagi mesyuarat di luar negeri;
 - iii) Kertas Penggubalan/Penelitian Dasar;
 - iv) Laporan Tahunan Jabatan;
 - v) Penyediaan Peruntukan Jabatan;
 - vi) Kertas Kerja yang berkaitan dengan bidang masing-masing.



Kertas Kerja yang telah disediakan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan masing-masing sebelum dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TIMBALAN PESURUHJAYA BURUH:

1. Membantu Pesuruhjaya Buruh dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya bagi memperkembangkan serta meningkatkan prestasi Pentadbiran Jabatan Buruh selaku satu agensi kerajaan.
2. Merancang dan melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan hal-hal perburuhan serantau dan antarabangsa.
3. Melaksanakan apa jua tugas-tugas yang diarahkan oleh Pesuruhjaya Buruh dari semasa ke semasa.